



10 SOALAN LAZIM (FAQ)

**SURUHANJAYA
PERSAINGAN MALAYSIA**



1 APAKAH SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MALAYSIA COMPETITION COMMISSION ATAU MYCC)?

Sebuah Agensi bebas yang ditubuhkan dibawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010.

2 APAKAH FUNGSI UTAMA SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA?

Menguatkuasakan Akta Persaingan 2010.

3 APAKAH OBJEKTIF UTAMA AKTA PERSAINGAN 2010 INI?

Melindungi proses persaingan dengan memastikan perusahaan bersaing dalam pasaran bagi meningkatkan kualiti, mewujudkan pilihan serta harga barangan dan perkhidmatan yang kompetitif.

4 APAKAH AMALAN ANTIPERSAINGAN?

Perlakuan perusahaan yang beroperasi di peringkat yang sama atau berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran barangan atau perkhidmatan yang menghalang atau menyekat persaingan dalam pasaran.

5 APAKAH CONTOH AMALAN ANTIPERSAINGAN?

Antaranya ialah menetapkan harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain, berkongsi pasaran atau punca bekalan, membataskan atau mengawal pengeluaran, saluran keluar pasaran, pembangunan teknologi atau pelaburan atau melakukan tipuan bida.

6 APAKAH PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN?

Perlakuan perusahaan yang mempunyai kuasa pasaran yang signifikan yang boleh memudaratkan pengguna, termasuk perusahaan yang menggunakan barangan atau perkhidmatan sebagai input untuk perniagaannya.

7 APAKAH CONTOH PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN?

Antaranya ialah mengenakan harga belian atau jualan atau syarat perdagangan yang tidak adil, membataskan atau mengawal pengeluaran, saluran keluar pasaran, pembangunan teknikal, teknologi atau pelaburan sehingga memudaratkan pegguna.

8 APAKAH ASAS TINDAKAN SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA KE ATAS SESEBUAH PERUSAHAAN ATAU SYARIKAT YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG INI?

Melalui maklumat serta aduan yang diterima daripada pengguna, termasuk perusahaan lain dan juga orang awam dengan syarat maklumat atau aduan menimbulkan syak berlaku sesuatu kesalahan. Suruhanjaya juga akan bertindak atas arahan Menteri ataupun atas inisiatif sendiri setelah melakukan tinjauan pasaran.

9 APAKAH JENIS ADUAN YANG BOLEH DIBUAT KEPADA SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA?

Antara lain aduan-aduan tentang perlakuan kartel, iaitu sekumpulan perusahaan berkomplot untuk menetapkan harga, berkongsi pasaran atau punca bekalan, membataskan atau mengawal pengeluaran, saluran keluar pasaran atau melakukan tipuan bida.

10 BAGAIMANA SESEORANG BOLEH MEMBUAT ADUAN KEPADA SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA?

Dengan mengisi borang aduan yang boleh didapati di laman web www.mycc.gov.my dan hantar kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia melalui e-mel atau pos.





Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Level 15, Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2273 2277

Faks: +603-2272 2293 / +603-2272 1692

E-mel: enquiries@mycc.gov.my

Laman Web: www.mycc.gov.my

www.mycc.gov.my